

PENGARUH PENGETAHUAN TEKNOLOGI PEDAGOGI KANDUNGAN (PTPK) TERHADAP AMALAN KREATIVITI GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM

(THE INFLUENCE OF TECHNOLOGICAL PEDAGOGICAL CONTENT KNOWLEDGE (TPCK) ON THE CREATIVE PRACTICES OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS)

SAILI, J.^{1,2*} – TAAT, M. S.¹

¹ *Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

² *Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.*

**Corresponding author
e-mail: jahidihsaili[at]uitm.edu.my*

(Received 10th November 2023; accepted 30th January 2024)

Abstrak. Pendidikan Islam di Malaysia memainkan peranan penting dalam membentuk akhlak, identiti agama dan budaya masyarakat. Walaupun begitu, pengajaran bidang Sirah dan Tamadun Islam kerap berdepan dengan pelbagai permasalahan terutamanya dalam mengintegrasikan unsur teknologi dan amalan kreativiti pengajaran. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pengaruh Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) terhadap amalan kreativiti pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam khususnya dalam konteks pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Melalui analisis kritis, kajian ini membincangkan tentang kepentingan mengintegrasikan unsur teknologi, pedagogi dan kandungan ke dalam aktiviti pengajaran bagi meningkatkan amalan kreativiti pengajaran. Ia menekankan keperluan untuk meningkatkan kompetensi PTPK dalam kalangan guru Pendidikan Islam agar mereka mampu menghasilkan bahan pengajaran yang interaktif dan menarik serta merancang aktiviti pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru yang menguasai PTPK cenderung untuk menghasilkan pengajaran yang lebih kreatif dan inovatif. Perkara ini secara langsung mempengaruhi tahap pemahaman dan minat para pelajar terhadap bidang Sirah dan Tamadun Islam. Kertas konsep ini memberi pandangan baharu dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan Islam dengan menekankan kepentingan PTPK dalam pengajaran dan pembelajaran Sirah serta Tamadun Islam. Ia merupakan langkah strategik dalam mempersiapkan para pelajar menghadapi cabaran pada abad ke-21 di samping melahirkan generasi yang mempunyai pengetahuan luas dan kreatif dalam penghayatan ajaran Islam.

Katakunci: *Pendidikan Islam, Sirah dan Tamadun Islam, PTPK, amalan kreativiti pengajaran*

Abstract. Islamic education in Malaysia plays an important role in shaping the morals, religious identity, and culture of the society. However, the teaching of the field of Sirah and Islamic Civilization often faces various problems, especially in integrating the elements of technology and creative teaching practices. This study aims to analyze the influence of Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK) on creative teaching practices among Islamic Education teachers, especially in the context of teaching Sirah and Islamic Civilization. Through a critical analysis, this study discusses the importance of integrating the elements of technology, pedagogy, and content into teaching activities to enhance creative teaching practices. It emphasizes the need to improve TPACK competence among Islamic Education teachers so that they can produce interactive and attractive teaching materials and plan meaningful and enjoyable learning activities. The results of the study show that teachers who master TPACK tend to produce more creative and innovative teaching. This directly affects the level of understanding and interest of students in the field of Sirah and Islamic Civilization. This concept paper provides a new perspective in the effort to improve the quality of Islamic education by emphasizing the importance of TPACK in teaching and learning Sirah and Islamic Civilization. It is a strategic step in preparing students to face the challenges of

the 21st century as well as producing a generation that has extensive and creative knowledge in the appreciation of Islamic teachings.

Keywords: *Islamic Education, Sirah and Islamic Civilization, TPACK, creative teaching*

Pengenalan

Pendidikan Islam di Malaysia adalah penting dalam membentuk akhlak dan identiti agama serta budaya masyarakat, yang berperanan dalam konteks pembangunan sosial dan negara. Mata pelajaran ini juga berfungsi sebagai medium untuk menghasilkan warganegara Malaysia yang beretika dan berkualiti (Mohammad Rusdi et al., 2021). Salah satu daripada bidang pelajaran dalam kurikulum Pendidikan Islam adalah bidang Sirah dan Tamadun Islam, yang menjadi model moral dan etika bagi individu dalam masyarakat Malaysia (Abdullah dan Razak, 2021). Sirah dan Tamadun Islam mencakupi kehidupan Rasulullah SAW sebelum dan selepas menjadi rasul, perjuangan baginda dalam menyebarkan Islam, hubungan baginda dengan Allah SWT, keluarga, sahabat, musuh dan masyarakat, serta ajaran-ajaran baginda yang bersumberkan wahyu (Tajuddin dan Zulkifli, 2022). Tujuan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam adalah untuk memperkuat iman pelajar, mendorong pelajar untuk meniru sifat-sifat baginda, mengembangkan pemikiran kritis pelajar tentang isu-isu semasa dari perspektif Islam, serta menanam nilai-nilai murni seperti kasih sayang, toleransi, keadilan, kesabaran dan keberanian dalam diri pelajar (Awi dan Zulkifli, 2021).

Selain itu, pengajaran Sirah dan Tamadun Islam memberi pendedahan tentang warisan sejarah dan sumbangan besar umat Islam kepada peradaban dunia. Tamadun Islam merupakan sebuah tamadun yang unik dan berbeza dengan tamadun-tamadun lain kerana ia berasaskan kepada aqidah Islam yang menjadikan Allah SWT sebagai sumber segala ilmu dan hukum (Mohammad Rusdi et al., 2021). Tamadun Islam berkembang dari Semenanjung Tanah Arab selepas Nabi Muhammad SAW menerima wahyu pertama pada tahun 610 Masihi, kemudian berkembang ke Timur Tengah, Afrika Utara, Asia Tenggara, Eropah Selatan dan Asia Tengah melalui penyebaran Islam oleh para sahabat Nabi SAW dan generasi selepasnya (Noraziah, et al., 2018). Tamadun Islam mencapai zaman kegemilangannya antara abad ke-8 hingga abad ke-13 Masihi apabila umat Islam telah menghasilkan karya-karya ilmiah yang mengagumkan dalam pelbagai bidang seperti falsafah, perubatan, astronomi, matematik, logik, akhlak, kimia dan algebra (Abdullah dan Razak, 2021). Tamadun Islam juga telah memberi sumbangan kepada tamadun-tamadun lain melalui proses penterjemahan ilmu-ilmu dari bahasa Arab kepada bahasa-bahasa lain seperti Latin, Parsi dan Yunani (Awi dan Zulkifli, 2021). Tamadun Islam juga telah memberi pengaruh kepada budaya-budaya lain melalui unsur-unsur seni bina, seni ukir, seni khat, seni muzik dan seni pakaian (Mohammad Rusdi et al., 2021). Secara ringkasnya, pengajaran Sirah dan Tamadun Islam bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan pelajar tentang sejarah dan warisan umat Islam, menghargai sumbangan umat Islam kepada dunia, menghayati nilai-nilai tamadun seperti ilmu pengetahuan, kecemerlangan, keharmonian dan toleransi dalam masyarakat majmuk serta mempertingkatkan kesedaran pelajar tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh umat Islam pada masa kini.

Walaupun pengajaran Sirah dan Tamadun Islam mempunyai tujuan yang penting, namun terdapat beberapa isu dan permasalahan yang menghalang daripada mencapai tujuan tersebut. Isu dan permasalahan ini merangkumi isu berkaitan dengan bahan pengajaran dan kaedah pengajaran. Isu berkaitan dengan bahan pengajaran meliputi aspek kekurangan sumber rujukan yang sahih dan mutakhir (Mustapha et al., 2011),

ketidaksesuaian bahan pengajaran dengan konteks semasa (Awang Abu Bakar et al., 2015), serta ketidaksesuaian bahan pengajaran dengan tahap kemampuan pelajar (Aris dan Abd Aziz, 2021). Isu berkaitan dengan kaedah pengajaran pula meliputi kebergantungan kepada kaedah konvensional dan aktiviti menghafal yang bersifat pasif (Awi dan Zulkifli, 2021), ketidakcekapan guru-guru dalam menggunakan teknologi dalam pengajaran (Ab Majid dan Ismail, 2017), serta kekurangan kreativiti dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran yang menarik dan menyeronokkan pelajar (Mohammad Rusdi et al., 2021).

Isu dan permasalahan ini menjejaskan kualiti pengajaran Sirah dan Tamadun Islam di sekolah. Kajian lepas menunjukkan bahawa pelajar mempunyai minat yang rendah terhadap bidang pelajaran ini kerana mereka menganggapnya sebagai bidang pelajaran yang membosankan, sukar, tidak relevan dan tidak praktikal (Aris dan Abd Aziz, 2021). Pelajar juga mempunyai pemahaman yang rendah terhadap bidang pelajaran ini kerana mereka hanya menghafal fakta-fakta tanpa mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Kesannya, mereka kurang bersemangat untuk mempelajari mata pelajaran ini kerana tidak mendapat pengalaman pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan yang dapat meningkatkan kemahiran berfikir, berkomunikasi, bekerjasama dan menyelesaikan masalah (Awi dan Zulkifli, 2021). Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapat jurang antara tujuan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam dengan realiti yang berlaku di sekolah.

Oleh itu, penyelesaian perlu dirangka bagi mengatasi isu dan permasalahan ini. Salah satu penyelesaian yang dicadangkan oleh kajian lepas ialah dengan meningkatkan amalan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Amalan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam merujuk kepada kemampuan guru untuk menggunakan idea-idea baru dan asli dalam merancang, melaksanakan dan menilai proses pengajaran agar dapat mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan. Amalan kreativiti guru Pendidikan Islam juga melibatkan kemampuan guru untuk menggunakan teknologi secara efektif dalam proses pengajaran agar dapat meningkatkan kualiti bahan pengajaran, interaksi antara guru dan pelajar, serta motivasi pelajar untuk belajar seterusnya memberi impak positif kepada pencapaian pengajaran Sirah dan Tamadun Islam di negara ini (Mohammad Rusdi et al., 2021).

Tujuan kertas konsep ini adalah untuk meneroka pengaruh faktor pengetahuan teknologi pedagogi kandungan (PTPK) terhadap amalan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam dalam konteks pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Dengan menggunakan analisis dokumen daripada kajian-kajian lepas, kertas konsep ini menekankan perlunya guru meningkatkan kemahiran mereka dalam menggunakan teknologi dan mengintegrasikan elemen kreativiti dalam pengajaran Pendidikan Islam. Guru yang cekap dalam menggunakan teknologi seperti komputer dan internet dapat menghasilkan bahan pengajaran yang interaktif dan menarik (Awi dan Zulkifli, 2021), yang dapat merangsang minat pelajar dan memperkukuhkan pemahaman mereka terhadap isi pelajaran yang diajar. Sementara itu, guru kreatif dapat merancang aktiviti pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan (Abidin dan Zulkifli, 2021), yang dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar. Kajian lepas telah menunjukkan bahawa pelajar yang mendapat pendidikan agama yang berkualiti cenderung menunjukkan perilaku positif dan mengelak daripada gejala sosial yang merugikan (Zakaria, 2019). Oleh itu, usaha untuk meningkatkan kemahiran guru dalam teknologi dan elemen kreativiti dalam pengajaran Pendidikan Islam akan memberi faedah yang besar kepada individu dan masyarakat Malaysia secara menyeluruh. Kertas konsep ini

memberi sumbangan yang penting dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan Islam dengan menyoroti kepentingan PTPK dalam proses pengajaran. Kertas konsep ini dibahagikan kepada tujuh bahagian, iaitu pengenalan, isu dan permasalahan, amalan kreativiti pengajaran guru pendidikan Islam, pendekatan teori, model konseptual, dan kesimpulan.

Isu dan permasalahan dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam

Amalan kreativiti pengajaran adalah faktor penting dalam meningkatkan keberkesanan PdP. Amalan kreativiti pengajaran merujuk kepada penggunaan pendekatan imaginatif untuk menjadikan proses pembelajaran lebih menarik, mengasyikkan, dan berkesan. Dalam konteks Pendidikan Islam, amalan kreativiti pengajaran memerlukan integrasi kaedah pengajaran yang selaras dengan prinsip Islam dan keperluan pelajar. Amalan ini tidak hanya meningkatkan pemahaman konsep agama dalam kalangan pelajar, tetapi juga memperkukuhkan minat, motivasi dan mengembangkan kemahiran berfikir kritis dan kreatif dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Dalam konteks PdP Sirah dan Tamadun Islam, amalan kreativiti pengajaran penting dalam memberikan inspirasi dan teladan berdasarkan kehidupan Nabi Muhammad SAW serta evolusi tamadun Islam (Mohammad Rusdi et al., 2021). Ini bermanfaat dalam pengamalan ajaran agama secara menyeluruh. Amalan kreativiti pengajaran dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam juga dapat memberikan dimensi baharu dalam konteks pemahaman dan aplikasi nilai-nilai Islam dalam kehidupan pelajar. Peranannya tidak hanya terbatas pada penyampaian maklumat, tetapi juga dalam membentuk cara berfikir pelajar tentang ajaran Islam secara lebih inovatif dan relevan dengan konteks semasa. Ringkasnya, amalan kreativiti dalam pengajaran dalam bidang Pendidikan Islam seperti Sirah dan Tamadun Islam, adalah penting untuk mencapai hasil pembelajaran yang berkesan dan menyeluruh. Ini juga penting dalam membina generasi pelajar yang kritis, kreatif, dan berpengetahuan luas dalam ajaran Islam (Awang Abu Bakar et al., 2015).

Amalan kreativiti pengajaran dalam Sirah dan Tamadun Islam menghadapi permasalahan yang signifikan. Permasalahan utama termasuklah kekurangan bahan pengajaran yang menarik dan relevan, konflik masa serta kekangan kurikulum, dan kurangnya latihan serta profesionalisme guru (Khory et al., 2021). Situasi ini menjadi lebih kritikal dengan adanya persepsi negatif daripada pelajar dan guru terhadap bidang pelajaran ini (Abdullah dan Razak, 2021). Akibatnya, kaedah pengajaran yang digunakan lazimnya bersifat tradisional dan pasif, seperti ceramah dan hafalan (Awi dan Zulkifli, 2021), tanpa menggalakkan penglibatan aktif dan kreatif pelajar. Ketiadaan amalan kreativiti pengajaran mengakibatkan pelajar berasa bosan dan menganggap bidang pelajaran ini sukar serta tidak relevan dengan kehidupan mereka (Abdullah dan Razak, 2021). Ini menunjukkan bahawa keterbatasan sumber dan kaedah pengajaran mampu menjejaskan kualiti pembelajaran dan perkembangan intelektual pelajar. Hal ini bukan sahaja membataskan kemampuan pelajar dalam memahami Sirah dan Tamadun Islam, tetapi juga mengurangkan potensi mereka untuk menyumbang secara positif kepada masyarakat. Secara ringkasnya, wujud permasalahan dalam amalan kreativiti pengajaran dalam Pendidikan Islam, terutamanya dalam konteks Sirah dan Tamadun Islam. Ini memerlukan perhatian dan penyelesaian segera untuk memastikan pendidikan yang efektif dan bermanfaat bagi pelajar.

Salah satu permasalahan dalam pelaksanaan amalan kreativiti pengajaran dalam bidang Sirah dan Tamadun Islam adalah kegagalan guru dalam memahami konsep

kreativiti (Awi dan Zulkifli, 2020). Konsep ini adalah kompleks dan merangkumi pelbagai dimensi, melibatkan aspek kebolehan, proses, hasil, dan konteks (Ismail dan Ismail, 2018; Weisberg, 1999). Ini sering kali dianggap subjektif dan tidak relevan dengan pendidikan Islam (Awi dan Zulkifli, 2020). Pemahaman yang lemah tentang konsep kreativiti menyebabkan guru-guru menghadapi kesukaran dalam merancang dan melaksanakan pengajaran yang kreatif dan inovatif (Awi dan Zulkifli, 2021). Ini menyebabkan penurunan motivasi dan minat pelajar terhadap pembelajaran (Mohammad Rusdi et al., 2021). Ketiadaan kesedaran tentang konsep kreativiti dalam pembelajaran abad ke-21 menyebabkan guru Pendidikan Islam kurang menggunakan pendekatan yang menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kritis, kolaboratif, dan menghasilkan idea yang inovatif (Noraziah et al., 2018). Ini menggambarkan jurang yang besar antara potensi pengajaran dan realiti pelaksanaan PdP Sirah dan Tamadun Islam. Bagi menangani masalah ini, program latihan profesional yang menggabungkan model teori kreativiti diperlukan. Ini boleh membantu dalam membina kefahaman yang lebih mendalam tentang kreativiti dan integrasi kreativiti dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Oleh itu, peningkatan pemahaman kreativiti di kalangan guru adalah mustahak bagi memastikan pengajaran yang efektif dan memenuhi keperluan pendidikan masa kini di negara ini.

Pembentukan kemahiran berfikir kreatif dan kebolehan menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar merupakan aspek penting yang perlu diberikan perhatian dalam mempersiapkan generasi ini untuk menghadapi cabaran abad ke-21. Kemahiran ini menjadi keperluan asas dalam menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku dengan cepat dalam era teknologi digital masa kini (Abdullah dan Surif, 2018). Di samping itu, pelajar perlu dibekalkan dengan daya kreativiti yang tinggi untuk terus berinovasi dan mampu mengatasi pelbagai masalah baru yang timbul, sesuai dengan keperluan revolusi industri 4.0 yang menuntut kemahiran berfikir kritis dan berkemahiran dalam menyelesaikan masalah (Jarawi dan Zulkifli, 2020). Walaupun keperluan ini jelas, terdapat pelajar masih menunjukkan kelemahan dalam aspek kemahiran berfikir secara kreatif dan menyelesaikan masalah dengan efektif (Ab Majid dan Ismail, 2017). Isu ini timbul sebagai permasalahan besar dalam usaha mempersiapkan pelajar untuk menghadapi kehidupan akan datang. Kajian menunjukkan bahawa, kurangnya kemahiran tersebut biasanya berkaitan dengan kaedah pengajaran guru yang masih tertumpu pada hafalan dan pengetahuan fakta, bukan pada pengembangan kemahiran berfikir kritis, kreatif, dan kemahiran menyelesaikan masalah (Awi dan Zulkifli, 2021). Tambahan pula, kurikulum sekolah pada masa kini belum sepenuhnya mengintegrasikan kedua-dua aspek penting ini dalam sistem pendidikan (Mohammad Rusdi et al., 2021), sekali gus merugikan pelajar dalam menghadapi cabaran masa depan. Kesimpulannya, program pendidikan perlu berfokus ke arah pembentukan dan pengembangan kemahiran berfikir kreatif serta kemahiran pemecahan masalah. Ini bertujuan agar pelajar bersedia untuk menghadapi dan mengatasi pelbagai cabaran di abad ke-21 dengan cekap dan berkesan.

Pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar amat penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam, khususnya dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam. Menurut kajian oleh Noraziah et al. (2018), amalan pengajaran tradisional yang kebiasaannya berpusatkan guru berisiko melakukan pengabaian terhadap keperluan pelajar dalam membangunkan pemahaman dan penglibatan mereka. Keadaan ini kerap berlaku dalam mata pelajaran yang memerlukan pemahaman mendalam seperti Sirah dan Tamadun Islam disebabkan pendekatan pengajaran

tradisional yang masih diamalkan oleh segelintir guru kini dianggap tidak lagi relevan dalam merangsang minat dan meningkatkan penglibatan pelajar (Awi dan Zulkifli, 2021). Sebaliknya, pendekatan pembelajaran berasaskan masalah didapati mampu mendorong para pelajar untuk terlibat secara aktif, sekali gus meningkatkan tahap pemahaman mereka terhadap sesuatu mata pelajaran (Rum et al., 2022). Pendekatan ini bukan sahaja dapat membantu pelajar memahami isi pelajaran dengan lebih mendalam, malah berupaya memupuk amalan penghayatan terhadap ajaran agama Islam yang lebih berkesan dan bermakna. Natijahnya, ia berpotensi membantu para pelajar menyumbang secara positif kepada masyarakat dan negara pada masa hadapan. Oleh yang demikian, usaha transformasi yang berterusan amat diperlukan bagi meningkatkan tahap pemahaman dan kemahiran guru dalam mengaplikasikan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar. Ini merupakan langkah strategik dalam mempertingkatkan kualiti Pendidikan Islam di negara ini. Pendekatan pengajaran yang memberi keutamaan kepada penglibatan aktif para pelajar inilah kunci membangunkan pemahaman yang lebih mendalam dan mampu diaplikasikan dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam.

Kesimpulannya, dalam konteks Pendidikan Islam khususnya dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam, permasalahan yang wujud berkaitan amalan kreativiti pengajaran perlu diakui dan ditangani. Kekurangan bahan pengajaran yang menarik dan relevan, kekangan kurikulum, serta kurangnya profesionalisme guru menunjukkan keperluan mendesak untuk mengkaji semula dan meningkatkan kaedah pengajaran sedia ada. Kekurangan pemahaman mendalam tentang konsep kreativiti serta kegagalan mengintegrasikannya dalam pengajaran menimbulkan jurang antara potensi dan realiti dalam pendidikan Islam. Ini memberi kesan kepada keberkesanan pembelajaran dan pembangunan intelektual pelajar. Selain itu, keperluan untuk membekalkan pelajar dengan kemahiran berfikir kreatif dan menyelesaikan masalah adalah penting untuk mempersiapkan mereka menghadapi cabaran abad ke-21. Pendekatan pengajaran yang berpusatkan pelajar mampu meningkatkan kualiti pendidikan dan memperkukuhkan pemahaman pelajar, serta memupuk amalan ajaran agama yang bermakna dan praktikal. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran guru dalam amalan pengajaran kreatif, serta memperbaharui kurikulum dan sumber pengajaran bagi memastikan pendidikan Islam berjaya melahirkan generasi yang kritis, kreatif, dan berpengetahuan luas dalam ajaran Islam. Isu dan permasalahan amalan kreativiti pengajaran dalam Sirah dan Tamadun Islam boleh dilihat dalam *Jadual 1* di bawah.

Jadual 1. Isu dan permasalahan amalan kreativiti pengajaran.


No.	Permasalahan
1.	Kekurangan amalan kreativiti dalam pengajaran pendidikan Islam.
2.	Ketiadaan pemahaman yang mencukupi tentang konsep kreativiti.
3.	Kemahiran berfikir kreatif dan penyelesaian masalah yang rendah.
4.	Pengajaran masih berpusatkan guru daripada pelajar.
5.	Kekurangan penguasaan teknologi dan komunikasi oleh guru.

Perbincangan Kajian

Amalan kreativiti pengajaran dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam

Analisis terhadap teori amalan kreativiti pengajaran, terutamanya dalam Pendidikan Islam, adalah penting untuk membentuk pengajaran yang dinamik dan menarik. Model

amalan kreativiti pengajaran yang diperkenalkan oleh Alali (2020) seperti dalam *Rajah 1* di bawah berfungsi sebagai kerangka untuk menilai amalan kreativiti dalam pengajaran, memberikan struktur yang jelas dalam menilai keberkesanan pengajaran kreatif. Terdapat empat komponen utama dalam model ini iaitu, perancangan pengajaran kreatif, strategi dan kaedah pengajaran kreatif, penyampaian pengajaran kreatif, dan penilaian menyeluruh, yang merupakan aspek penting dalam pengembangan amalan kreativiti pengajaran (Effindi, 2018). Analisis terhadap model ini menunjukkan bahawa integrasi komponen-komponen tersebut dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran, terutama dalam memupuk minat dan pemahaman pelajar terhadap mata pelajaran yang diajar (Yahaya, 2011). Pemilihan model ini sebagai kerangka teoretikal adalah tepat, kerana ia membolehkan penyelidikan mendalam tentang aspek-aspek kritikal dalam pengajaran kreatif. Oleh itu, penggunaan model amalan kreativiti pengajaran oleh Alali (2020) dalam kajian ini meningkatkan pemahaman tentang cara meningkatkan keberkesanan pengajaran dalam Pendidikan Islam melalui pendekatan kreatif.



Rajah 1. Model amalan kreativiti pengajaran.
Sumber: Alali (2020).

Kajian mengenai amalan kreativiti pengajaran mempunyai nilai penting yang amat ketara, terutamanya dalam konteks PdP Sirah dan Tamadun Islam. Amalan pengajaran berasaskan elemen kreativiti bukan sahaja dapat merangsang guru untuk menghasilkan inovasi, tetapi juga dapat memberikan kesan positif kepada pencapaian pelajar dalam proses PdP (Alali, 2020). Guru yang menguasai amalan kreativiti pengajaran juga dapat menyampaikan ilmu dengan lebih efektif, dapat menyusun bahan pengajaran menggunakan pendekatan yang tersusun, dan menjadikan bahan pengajaran tersebut lebih mudah difahami oleh pelajar (Nurul Eeffah, 2016). Model amalan kreativiti pengajaran yang dicadangkan oleh Alali (2020) terdiri daripada empat elemen utama yang menjadi prasyarat dalam membentuk pendekatan pengajaran yang memberi penekanan kepada elemen kreativiti (Effindi, 2018). Elemen-elemen ini ialah perancangan pengajaran kreatif, strategi dan kaedah pengajaran kreatif, penyampaian pengajaran kreatif, dan penilaian menyeluruh. Dalam artikel ini, setiap elemen tersebut dibincangkan dengan lebih terperinci, serta memberikan contoh-contoh praktikal bagi mengaplikasikannya dalam konteks Pendidikan Islam.

Elemen pertama dalam model amalan kreativiti pengajaran oleh Alali (2020) adalah perancangan pengajaran kreatif, yang melibatkan penyusunan rancangan PdP yang kreatif dan inovatif. Menurut Dagang (2016), perancangan pengajaran kreatif amat penting dalam menerapkan elemen kreativiti dalam pengajaran. Ia bukan sahaja dapat

menarik minat pelajar, tetapi juga meningkatkan penglibatan mereka dalam aktiviti PdP (Azman dan Nor, 2017). Perancangan pengajaran kreatif memerlukan guru merangka aktiviti PdP yang membina kemahiran berfikir aras tinggi seperti analitik, kreatif dan kritis, selari dengan kehendak pembelajaran abad ke-21 (Jarawi dan Zulkifli, 2020). Menurut Razak et al. (2021), perancangan yang baik menentukan kreativiti guru dalam pengajaran. Perancangan pengajaran yang berunsur kreativiti amat diperlukan bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai dengan berkesan. Ia bukan sahaja penting dalam meningkatkan minat dan penglibatan pelajar, malah membantu membentuk kemahiran pemikiran aras tinggi yang amat diperlukan pada abad ke-21 ini. Guru yang bijak merancang aktiviti PdP secara kreatif mampu menzahirkan kreativiti mereka dengan lebih berkesan. Justeru, perancangan pengajaran kreatif merupakan tonggak utama dalam model amalan kreativiti pengajaran, yang menjadi pemangkin kepada elemen kreativiti yang lain.

Elemen kedua adalah strategi dan kaedah pengajaran kreatif yang berperanan penting dalam mencapai objektif PdP (Alali, 2020). Kaedah kreatif seperti pembelajaran berasaskan masalah dan projek didapati berkesan dalam meningkatkan minat dan penglibatan pelajar dalam PdP (Fakhrudin dan Suhid, 2017). Selain itu, pendekatan pengajaran aktif juga dapat membentuk sikap positif pelajar (Awi dan Zulkifli, 2020) dan mendorong pembelajaran sendiri (Mustaffa et al., 2021). Strategi dan kaedah pengajaran yang kreatif amat diperlukan untuk menjamin pencapaian objektif pembelajaran, di samping meningkatkan minat dan penglibatan aktif pelajar dalam PdP. Pendekatan ini bukan sahaja membantu pembentukan sikap yang positif, malah mendorong pembelajaran secara autonomi. Justeru, pemilihan strategi dan kaedah pengajaran secara kreatif merupakan teras utama dalam elemen kedua model amalan kreativiti pengajaran.

Elemen ketiga adalah penyampaian pengajaran kreatif yang memainkan peranan besar dalam memastikan keberkesanan PdP (Alali, 2020). Menurut Starko (2021), penyampaian pengajaran yang kreatif dapat memberi kesan positif dan perubahan baharu kepada pembelajaran pelajar. Ia menuntut guru memberi maklum balas sesuai kepada idea pelajar (Mohamed dan Jasmi, 2021), menggalakkan pembelajaran kolaboratif (Kamal et al., 2022), dan membentuk minda positif terhadap isi pelajaran (Mohd Yassin, 2010). Selain itu, penggunaan BBM yang kreatif didapati dapat merangsang interaksi aktif di dalam kelas dan membantu perkembangan kemahiran berfikir pelajar (Rahim et al., 2021). Penyampaian pengajaran secara kreatif adalah kritikal dalam menentukan keberkesanan PdP, di samping memberi kesan positif kepada perkembangan minda dan pembelajaran pelajar. Ia bukan sahaja memerlukan penglibatan aktif guru, malah penggunaan BBM yang berunsur kreativiti. Justeru, kreativiti dalam penyampaian pengajaran amat dititikberatkan sebagai teras utama kepada elemen ketiga model amalan kreativiti pengajaran.

Elemen keempat adalah pelaksanaan penilaian secara menyeluruh terhadap pelajar (Alali, 2020). Menurut Khalil dan Awang (2016), penilaian menyeluruh adalah satu bentuk pentaksiran yang holistik dan berterusan untuk mengukur pencapaian hasil pembelajaran pelajar. Ia bukan sahaja melibatkan penilaian melalui ujian bertulis, malah juga merangkumi pemerhatian, projek, tugas portfolio, dan penilaian rakan sebaya (Khory et al., 2021). Tujuan utamanya adalah untuk memastikan pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan dalam kehidupan sebenar (Nordin dan Bakar, 2008). Oleh itu, penilaian perlu bersifat autentik, realistik dan relevan dengan situasi semasa (Nasir dan Mansor, 2021). Pelaksanaan penilaian secara menyeluruh amat diperlukan

untuk mengukur tahap penguasaan pelajar terhadap hasil pembelajaran secara holistik. Ia bukan sahaja memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan PdP, malah memastikan pelajar dapat mengaplikasikan ilmu dalam dunia realiti. Justeru, penilaian menyeluruh merupakan elemen terakhir yang amat kritikal dalam model amalan kreativiti pengajaran.


Kesimpulannya, amalan kreativiti pengajaran dalam Sirah dan Tamadun Islam, seperti yang dinyatakan dalam model Alali (2020), membawa pendekatan baharu dalam proses pengajaran. Model ini merangkumi perancangan pengajaran kreatif, strategi dan kaedah pengajaran kreatif, penyampaian pengajaran kreatif, serta penilaian menyeluruh, penting dalam meningkatkan keberkesanan proses PdP. Penerapan elemen kreativiti dalam pengajaran bukan sahaja mengoptimumkan penglibatan pelajar dan merangsang pemikiran kritis serta analitis mereka, tetapi juga membentuk kemahiran abad ke-21 yang relevan. Keutamaan perancangan yang inovatif, strategi pengajaran yang dinamik, penyampaian yang interaktif, dan penilaian yang komprehensif tidak boleh diabaikan dalam konteks pendidikan masa kini. Melalui model ini, guru dapat menjadikan pembelajaran lebih bermakna, memotivasikan pelajar untuk meneroka dan memahami isi pelajaran secara mendalam, serta memupuk kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia yang sentiasa berubah ini. Oleh itu, adaptasi model amalan kreativiti pengajaran ini dalam konteks Pendidikan Islam adalah langkah strategik yang perlu dipertimbangkan oleh guru dalam usaha untuk menyediakan generasi masa depan yang berdaya saing dan berkebolehan tinggi.

Pendekatan teori

Kajian ini mengetengahkan kerangka PTPK yang dipelopori oleh Mishra dan Koehler (2006) bagi meningkatkan amalan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam. Kerangka ini dipilih kerana telah digunakan secara meluas oleh para penyelidik dalam bidang pendidikan. PTPK mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap amalan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam khususnya dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam. Kajian oleh Ab Majid dan Ismail (2017) ke atas 530 orang guru bahasa Arab di seluruh Malaysia mendapati terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara PTPK dengan amalan kreativiti pengajaran guru. Selain itu, kajian mengenai pembinaan model kreativiti pengajaran guru bahasa Arab di Malaysia yang dijalankan oleh Mohammad Rusdi et al. (2021) menunjukkan penyumbang utama kepada kreativiti pengajaran guru bahasa Arab adalah PTPK. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Yu dan Patterson (2010) dan Trivedi dan Bhargava (2010) yang mendapati bahawa PTPK mempengaruhi tahap amalan kreativiti guru dalam proses PdP. Manakala kajian Ramli dan Nor (2018) pula mendapati penguasaan PTPK yang lemah dalam aspek pengetahuan teknologi menjadi halangan untuk merealisasikan guru abad ke-21 yang kreatif. Berdasarkan dapatan kajian-kajian ini, jelas bahawa PTPK yang dimiliki oleh guru memainkan peranan penting dalam memupuk amalan kreativiti pengajaran. Kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknologi serta ketidakupayaan mengintegrasikan teknologi dalam pedagogi dan kandungan mata pelajaran menjadi penghalang kepada pewujudan amalan pengajaran yang kreatif. Sebaliknya, penguasaan PTPK membolehkan guru merancang, melaksana dan menilai aktiviti PdP yang pelbagai, menarik dan berkesan yang mana membawa kepada pengajaran yang kreatif. Maka, peningkatan pengetahuan teknologi pedagogi kandungan PTPK dalam kalangan guru amat penting bagi menggalakkan amalan

kreativiti dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran pada masa kini dan masa hadapan.

PTPK merupakan evolusi daripada teori pengetahuan pedagogi kandungan (PPK) yang diasaskan oleh Shulman (1986). Kerangka PTPK terdiri daripada tiga domain pengetahuan utama, iaitu pengetahuan kandungan (PK), pengetahuan pedagogi (PP), dan pengetahuan teknologi (PT). Integrasi ketiga-tiga jenis pengetahuan ini membentuk empat domain pengetahuan tambahan, iaitu pengetahuan teknologi kandungan (PTK), pengetahuan teknologi pedagogi (PTP), pengetahuan pedagogi kandungan (PPK), dan pengetahuan teknologi pedagogi kandungan (PTPK). Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini ditunjukkan dalam *Rajah 2* berikut.



Rajah 2. Kerangka pengetahuan teknologi pedagogi kandungan.

Sumber: Mishra dan Koehler (2006).

Mishra dan Koehler (2006) menekankan kepentingan integrasi tiga domain pengetahuan bagi membina pemahaman pelajar dalam konteks PdP berasaskan teknologi. Pengintegrasian pengetahuan teknologi, pedagogi, dan kandungan menentukan kejayaan dalam pembelajaran, memandangkan setiap domain ini mempunyai peranan unik yang saling melengkapi. Pengetahuan teknologi berkaitan penggunaan peralatan pengajaran, pengetahuan pedagogi melibatkan kaedah dan teknik pengajaran, manakala pengetahuan kandungan merujuk kepada pemahaman mendalam tentang mata pelajaran yang diajar (Mishra dan Koehler, 2006). Peranan guru dalam menggabungkan ketiga-tiga domain pengetahuan ini adalah penting, kerana ia boleh mempengaruhi keberkesanan penyampaian kandungan kepada pelajar yang mempunyai latar belakang yang berbeza, serta kebolehan pelajar memahami dan mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam kehidupan mereka. Jelas bahawa keupayaan guru dalam mengintegrasikan pengetahuan teknologi, pedagogi, dan kandungan secara holistik adalah kunci untuk mewujudkan pengalaman pembelajaran yang berkesan dan bermakna. Penggunaan teknologi dalam proses PdP bukan sahaja memudahkan penyampaian isi kandungan, malah juga membantu dalam mengatasi kesukaran topik pembelajaran, sambil mengembangkan pengetahuan sedia ada pelajar (Mishra dan Koehler, 2006). Pengintegrasian ini merupakan aspek penting dalam membina pemahaman pelajar, terutamanya dalam konteks pembelajaran berasaskan teknologi. Secara ringkasnya, gabungan pengetahuan teknologi, pedagogi, dan kandungan yang berkesan oleh guru memainkan peranan penting dalam memastikan pemahaman pelajar yang mendalam dan boleh diaplikasikan dalam pembelajaran berasaskan teknologi termasuk dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam.

Pengetahuan kandungan adalah antara domain pengetahuan utama PTPK dalam membentuk pengajaran berkesan. Mishra dan Koehler (2006) mendefinisikan pengetahuan kandungan sebagai pemahaman mendalam tentang isi pelajaran yang akan disampaikan kepada pelajar, merangkumi fakta, konsep, teori, dan prosedur. Kepentingan pengetahuan ini ditekankan oleh Shulman (1986), yang menyarankan perlunya guru untuk memahami hubungan antara idea dan aspek sebab akibat dalam topik tertentu. Pengetahuan kandungan ini harus disokong dengan pemahaman tentang mata pelajaran lain, bagi memudahkan guru untuk membezakan isi pelajaran yang mereka ajar (Mishra dan Koehler, 2006). Tanpa pemahaman yang tepat mengenai pengetahuan kandungan, guru berisiko untuk melakukan kesilapan dalam memberikan kefahaman kepada pelajar (Ball dan McDiarmid, 1990). Analisis ini menunjukkan bahawa pemahaman mendalam tentang pengetahuan kandungan bukan hanya penting dalam pengajaran mata pelajaran tertentu, tetapi juga dalam memahami konteks dan perkaitan antara berbagai disiplin ilmu. Secara ringkasnya, pengetahuan kandungan merupakan landasan penting dalam pembinaan pendidikan yang efektif dan holistik dan memastikan guru dapat mengajar dengan kefahaman yang mendalam dan berkesan.

Pengetahuan pedagogi adalah asas penting bagi menentukan keberkesanan proses PdP (Shulman, 1986). Konsep ini merangkumi pemahaman menyeluruh tentang teknik pengajaran, pengurusan bilik darjah, dan strategi yang menjadi asas dalam menyampaikan isi pelajaran dengan efektif (Mishra dan Koehler, 2006). Penguasaan dalam aspek pengetahuan pedagogi membantu guru mengenal pasti dan memberikan maklum balas mengenai keperluan pelajar secara individu, memastikan setiap pelajar menerima pendidikan yang sesuai dengan keperluan pembelajaran mereka. Guru yang mahir dalam pedagogi dapat mengintegrasikan teori pembelajaran kognitif, sosial, dan perkembangan ke dalam strategi pengajaran mereka, sehingga membolehkan pendekatan yang lebih inklusif dan dinamik dalam pendidikan di negara ini (Mishra dan Koehler, 2006). Pengetahuan pedagogi yang mendalam juga penting dalam membangunkan kemahiran kritis dan analitis pelajar serta memupuk sikap positif mereka terhadap pembelajaran. Guru dengan kefahaman pedagogi yang mendalam memainkan peranan kritikal dalam membentuk pembelajaran yang bermakna, membantu pelajar mencapai potensi penuh mereka. Pengetahuan pedagogi yang kukuh adalah kunci untuk mencapai pendidikan yang berkesan dan merangsang perkembangan intelektual serta emosi pelajar.

Pengetahuan teknologi merupakan domain pengetahuan penting dalam pendidikan moden (Mishra dan Koehler, 2006). Dalam era digital ini, kefahaman tentang teknologi seperti komputer, video digital, dan juga alat tradisional seperti papan hitam dan buku adalah penting bagi guru dalam mencipta pengajaran yang efektif. Kecekapan dalam mengendalikan teknologi digital dan alat teknologi terkini adalah keperluan asas bagi guru untuk diaplikasikan dalam proses PdP (Mishra dan Koehler, 2006). Penguasaan teknologi ini bukan sekadar kebolehan operasional, tetapi juga pemahaman tentang peranan teknologi dalam mempengaruhi proses pembelajaran. Menurut Bahtiar et al. (2020), kesedaran terhadap perubahan trend teknologi adalah penting dalam konteks masyarakat Malaysia yang semakin bergantung kepada teknologi. Guru harus peka terhadap potensi dan had teknologi dalam mempengaruhi pendekatan pengajaran mereka. Penggunaan teknologi yang optimum dapat meningkatkan penglibatan dan motivasi pelajar, serta memperkaya sumber pembelajaran dan hasil pendidikan. Oleh itu, guru harus proaktif dalam mengikuti perkembangan teknologi terkini dan mengaplikasikannya dalam pendekatan pengajaran untuk mencipta pengalaman

pembelajaran yang dinamik dan menarik. Ini menunjukkan bahawa penguasaan teknologi dalam pendidikan bukan lagi pilihan, tetapi merupakan keperluan untuk meningkatkan kualiti PdP di abad ke-21.

Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) merupakan integrasi antara pengetahuan kandungan dan pedagogi (Shulman, 1986). PPK bertindak sebagai platform utama dalam memastikan pendekatan pengajaran yang berbeza digunakan untuk disiplin ilmu yang berlainan. Selari dengan pandangan Shulman (1986), wujud keperluan mendalam bagi guru untuk memahami dan membezakan disiplin ilmu bagi setiap mata pelajaran. Ini kerana, setiap mata pelajaran mempunyai ciri-ciri unik yang memerlukan pendekatan pengajaran khusus dan berbeza. Shulman (1987) menekankan bahawa pengetahuan kandungan mestilah fleksibel dan boleh diubah suai untuk memenuhi keperluan pengajaran. Ini bermakna guru perlu cekap dalam mentafsir dan menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar dengan cara yang mudah difahami. Selain itu, pengetahuan kandungan perlu disesuaikan dengan kaedah pengajaran dan pengetahuan sedia ada pelajar (Shulman, 1986). Pengetahuan ini bukan sahaja penting dalam mengoptimumkan proses pengajaran malah memastikan pelajar dapat menyerap ilmu dengan berkesan. Ringkasnya, PPK adalah asas penting dalam pendidikan, memerlukan guru menyesuaikan isi pelajaran dengan pendekatan pengajaran bersesuaian, bagi mencapai keberkesanan pengajaran maksimum (Shulman, 1986).

Pengetahuan teknologi kandungan (PTK) penting dalam proses PdP bagi memastikan penyampaian isi kandungan yang berkesan kepada pelajar (Mishra dan Koehler, 2006). Jenis teknologi yang digunakan dalam PdP boleh mempengaruhi jenis kandungan yang ingin disampaikan kepada pelajar (Mishra dan Koehler, 2006). Penggunaan teknologi juga membantu guru merancang proses pengajaran yang lebih kreatif dan fleksibel (Mishra dan Koehler, 2006). Selain itu, teknologi memudahkan penyampaian kandungan yang kompleks kepada pelajar (Mishra dan Koehler, 2006). Oleh itu, guru perlu memahami interaksi antara teknologi dan kandungan. Pengetahuan teknologi kandungan penting kerana ia menentukan keserasian antara medium penyampaian dengan kandungan yang hendak disampaikan (Mishra dan Koehler, 2006). Tanpa pemahaman ini, objektif sebenar pembelajaran sukar dicapai. Kekurangan pengetahuan teknologi kandungan juga boleh menghalang penyampaian isi kandungan yang berkesan (Mishra dan Koehler, 2006). Malah, ia boleh menjejaskan kreativiti pengajaran guru (Mishra dan Koehler, 2006). Justeru, aspek pengetahuan teknologi kandungan amat signifikan dalam pendidikan masa kini. Bagi menjamin penyampaian kandungan yang berkesan, guru perlu menguasai kedua-dua aspek pengetahuan teknologi dan kandungan, dan seterusnya mengintegrasikannya dalam aktiviti PdP mereka (Mishra dan Koehler, 2006).

Pengetahuan teknologi pedagogi (PTP) penting dalam melahirkan proses PdP yang berkualiti pada abad ke-21 ini (Mishra dan Koehler, 2006). Menurut Iywon dan Nasri (2020), integrasi teknologi berkesan dalam PdP bergantung kepada pedagogi guru, iaitu cara teknologi itu digunakan, diselaraskan dengan kurikulum serta disesuaikan dengan kebolehan murid. Kajian oleh Terry et al. (2021) menunjukkan bahawa pengetahuan dan kesediaan guru terhadap multimedia dapat mempelbagaikan teknik PdP. Selain itu, kajian Ravendran dan Daud (2020) mendapati guru yang tidak mempunyai PTP sukar menerima penggunaan teknologi dalam bilik darjah. Manakala menurut Ramli dan Nor (2018), kekurangan penguasaan PTP menjadi halangan untuk melahirkan guru abad ke-21 yang berwawasan. Justeru, kepentingan PTP tidak boleh dinafikan memandangkan ia membantu guru merancang, melaksanakan dan menilai aktiviti PdP dengan berkesan

dengan mengintegrasikan teknologi secara bijak. Tanpa PTP yang mencukupi, guru tidak dapat mengaplikasikan teknologi dengan sempurna dalam PdP walaupun infrastruktur disediakan. Kesimpulannya, peningkatan PTP dalam kalangan guru amat dituntut pada era globalisasi ini bagi melahirkan modal insan yang celik teknologi.

Pengetahuan teknologi pedagogi kandungan (PTPK) merupakan asas yang menentukan keberkesanan pengajaran berasaskan teknologi (Mishra dan Koehler, 2006). Ia memerlukan guru memiliki pelbagai kemahiran seperti keupayaan memilih teknologi yang bersesuaian dan kebolehan menyampaikan konsep kompleks dengan cara mudah (Mishra dan Koehler, 2006). Guru juga perlu menguasai ilmu asas pelajar, teori pembelajaran dan kesan teknologi terhadap domain kognitif ini (Mishra dan Koehler, 2006). Malah, kemahiran mengintegrasikan teknologi untuk mengukuhkan atau mentransformasikan pengetahuan pelajar turut dituntut (Mishra & Koehler, 2008). Jelas bahawa guru masa kini dituntut memiliki pelbagai kemahiran baharu hasil daripada perkembangan teknologi pendidikan (Mishra dan Koehler, 2006). Tanpa menguasai dimensi teknologi, pedagogi dan kandungan secara seiring, sukar bagi guru melaksanakan kemudahan pembelajaran yang bermakna untuk pelajar. Malah, ketidaksepadanan antara ketiga-tiga domain ini boleh mengakibatkan pengalaman pembelajaran yang kurang memberangsangkan atau efisien. Oleh yang demikian, PTPK merupakan kompetensi utama yang perlu dikuasai oleh guru masa kini bagi melahirkan amalan PdP yang inovatif dan berkesan untuk meningkatkan pembelajaran pelajar (Mishra dan Koehler, 2006).

Secara ringkasnya, PTPK adalah pengetahuan penting yang mempengaruhi keberkesanan PdP berasaskan teknologi. Dalam amalan pengajaran mereka, guru perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran yang pelbagai untuk menggunakan teknologi dengan berkesan. Pengetahuan dan kemahiran ini tidak terhad kepada aspek teknikal semata-mata, tetapi juga melibatkan pemahaman mendalam tentang mata pelajaran yang diajar serta strategi pedagogi yang membolehkan penggunaan alat teknologi dengan berkesan di dalam bilik darjah. Guru dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menarik dan interaktif yang meningkatkan hasil pembelajaran pelajar dengan mempertingkatkan PTPK mereka. Ringkasan domain PTPK dijelaskan dalam *Jadual 2* di bawah.

Jadual 2. Penerangan model pengetahuan teknologi pedagogi kandungan.


Domain	Penerangan
Pengetahuan Kandungan (PK)	Pengetahuan Kandungan (PK) merujuk kepada penguasaan mendalam guru terhadap teori, idea, konsep, rangka kerja, kaedah dan bukti yang terkandung dalam sukatan pelajaran bagi membolehkan penyampaian ilmu secara berkesan kepada para pelajar.
Pengetahuan Pedagogi (PP)	Pengetahuan Pedagogi (PP) merujuk kepada pengetahuan guru berkaitan kaedah penyampaian isi kandungan kepada pelajar dengan mengaplikasikan teori dan amalan pedagogi terkini bagi memantapkan proses pengajaran.
Pengetahuan Teknologi (PT)	Pengetahuan Teknologi (PT) merujuk kepada penguasaan guru terhadap pengetahuan dan kemahiran menggunakan pelbagai alat, perkakas serta perisian teknologi dengan cekap bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran.
Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK)	Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) merujuk kepada keupayaan guru menyampaikan kandungan pelajaran kepada para pelajar dengan menggunakan pedagogi dan pendekatan pengajaran yang paling bersesuaian berasaskan konteks serta keperluan pembelajaran murid.
Pengetahuan Teknologi Kandungan (PTK)	Pengetahuan Teknologi Kandungan (PTK) merujuk kepada kefahaman menyeluruh guru tentang interaksi antara pengetahuan teknologi dan kandungan mata pelajaran serta kesan timbal balik di antara kedua-duanya, yang membolehkan penyampaian ilmu secara berkesan kepada murid dengan mengaplikasikan teknologi yang sesuai.
Pengetahuan Teknologi Pedagogi (PTP)	Pengetahuan Teknologi Pedagogi (PTP) merujuk kepada kefahaman mendalam guru tentang transformasi amalan pedagogi apabila berlakunya pengintegrasian teknologi dalam pengajaran yang merangkumi aspek kebolehan dan batasan pelbagai alatan teknologi dalam mempengaruhi strategi pengajaran.
Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK)	Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) merujuk kepada pengetahuan menyeluruh guru tentang transformasi amalan pedagogi hasil daripada pengintegrasian

	teknologi dalam penyampaian kandungan mata pelajaran, yang merangkumi pemahaman tentang keupayaan dan limitasi pelbagai alatan teknologi dalam mempengaruhi strategi pengajaran.
--	--

Sumber: Mishra dan Koehler (2006).

Model konseptual

Berdasarkan kepada Teori PTPK oleh Mishra dan Koehler (2006), boleh dibuat hipotesis bahawa Pengetahuan Kandungan (PK), Pengetahuan Pedagogi (PP), Pengetahuan Teknologi (PT), Pengetahuan Teknologi Kandungan (PTK), Pengetahuan Teknologi Pedagogi (PTP), Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK), dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) mempengaruhi amalan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam. Cadangan interaksi antara faktor-faktor peramal tersebut dengan pemboleh ubah kriteria iaitu amalan kreativiti pengajaran guru pendidikan Islam ditunjukkan dalam *Rajah 3* di bawah.



Rajah 3. Faktor peramal amalan kreativiti pengajaran guru pendidikan Islam dalam bidang Sirah dan tamadun Islam.

Dalam konteks PdP Sirah dan Tamadun Islam, guru Pendidikan Islam perlu mengintegrasikan domain PTPK secara holistik dan seimbang (Mishra dan Koehler, 2006). Menurut kajian yang dilakukan oleh Hamidin et al. (2018), terdapat kekurangan dalam penggunaan ciri-ciri metodologi PTPK oleh guru Pendidikan Islam semasa proses pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Interaksi positif antara domain pengetahuan teknologi, pedagogi dan kandungan dapat menentukan tahap PTPK guru dan kualiti pengajaran mereka (Zawawi et al., 2019). Ketidakeimbangan antara domain-domain ini boleh mengurangkan penguasaan PTPK guru dan akhirnya menjejaskan amalan kreativiti dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Sebaliknya, pengintegrasian domain PTPK yang optimum dapat meningkatkan amalan kreativiti pengajaran guru, termasuk aspek perancangan, strategi, penyampaian dan pentaksiran PdP (Mustapha et al., 2011). Jelas bahawa peningkatan PTPK guru Pendidikan Islam bergantung kepada pengintegrasian yang serasi dan holistik antara ketiga-tiga domain pengetahuan teknologi, pedagogi dan kandungan (Mishra dan Koehler, 2006). Oleh itu, usaha untuk meningkatkan kompetensi PTPK dalam kalangan guru Pendidikan Islam sangat diperlukan untuk melahirkan amalan PdP Sejarah dan Tamadun Islam yang inovatif dan mampu menarik minat serta meningkatkan pemahaman pelajar.

Kesimpulan

Kajian mengenai PTPK terhadap amalan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam dalam bidang Sirah dan Tamadun Islam menjelaskan kepentingan mengintegrasikan teknologi, pedagogi, dan kandungan dalam pengajaran bagi menyokong pembelajaran yang berkesan. Keupayaan guru menggabungkan domain-domain ini menjadi asas dalam menyampaikan isi pelajaran Sirah dan Tamadun Islam yang bukan hanya memberikan informasi tetapi juga memberikan inspirasi kepada pelajar. Walaupun teknologi menyediakan platform dan peralatan canggih, keberkesanannya hanya dicapai apabila diintegrasikan dengan pendekatan pedagogi yang kreatif dan pengetahuan kandungan yang mendalam. Ini amat penting terutamanya dalam menangani permasalahan yang berkaitan dengan bahan pengajaran yang kurang menarik, kekangan kurikulum, dan kurangnya profesionalisme guru. Jelas bahawa untuk mewujudkan PdP Sirah dan Tamadun Islam berkesan, penekanan harus diberikan kepada pembangunan kemahiran PTPK guru. Ini penting bukan sahaja untuk meningkatkan mutu pengajaran malah juga untuk memupuk minat dan pemahaman pelajar terhadap Sirah dan Tamadun Islam yang kerap dianggap sukar dan kurang menarik.

Selain itu, pemahaman yang mendalam mengenai konsep kreativiti dalam pengajaran menjadi asas dalam membentuk generasi pelajar yang kritis, kreatif, dan memiliki pengetahuan luas dalam ajaran Islam. Integrasi PTPK dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam bukan sahaja memerlukan kreativiti dalam penyampaian isi kandungan, tetapi juga dalam pendekatan pedagogi yang dapat disesuaikan dengan keperluan dan latar belakang pelbagai pelajar. Ini merangkumi penggunaan teknologi yang inovatif dan relevan yang dapat memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar. Perubahan paradigma dari pengajaran yang berpusatkan guru ke pengajaran yang berpusatkan pelajar, dengan penekanan pada perkembangan kemahiran berfikir kreatif dan penyelesaian masalah, merupakan langkah strategik dalam mempersiapkan pelajar untuk menghadapi cabaran abad ke-21. Oleh itu, peningkatan kemahiran PTPK guru bukan sahaja penting dalam konteks pengajaran Sirah dan Tamadun Islam, tetapi juga dalam membentuk ekosistem pendidikan yang holistik dan dinamik, yang sejajar dengan keperluan dan cabaran masa kini.

Penghargaan

Kajian ini ialah dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tidak ada konflik kepentingan dengan mana mana pihak yang terlibat dalam penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Abdullah, F., Razak, K.A. (2021): Tahap minat dan penerimaan pelajar terhadap gamifikasi dalam bidang Sirah. – *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs (JQSS)* 5: 27-38.

- [2] Abdullah, N., Surif, J. (2018): *Imaginasi Dalam Pembelajaran Abad Ke-21: Suatu Perspektif Baru: Imagination in The 21st Century Learning: A New Perspective.* – Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education 2(2): 15-20.
- [3] Abidin, J., Zulkifli, H. (2021): *Keberkesanan aplikasi teknik one stay three stray dalam pembelajaran bidang Sirah pendidikan Islam.* – Seminar Inovasi Pendidikan Islam dan Bahasa Arab 18p.
- [4] Ab Majid, M.R.B., Ismail, Z. (2017): *Kreativiti pengajaran guru Bahasa Arab di Malaysia.* – JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan 4(4): 27-38.
- [5] Alali, R.M. (2020): *Developing a Scale for Creative Teaching Practices of Faculty Members at King Faisal University.* – Universal Journal of Educational Research 8(5): 2129-2142.
- [6] Aris, M.N.M.J., Abd Aziz, F. (2021): *Mobile Apps Pendidikan Islam SPM Sirah dan Tamadun (Khulafa'Ar-Rasyidin).* – Journal of Computing Technologies and Creative Content (JTec) 6(1): 7-11.
- [7] Awang Abu Bakar, N.A., Adila Ismail, N.M., Zainal Abidin, N.A. (2015): *The prophet story courseware-saya sayang rasul (SSR).* – e-Academia Journal 4(1): 38-48.
- [8] Awi, N.A.L., Zulkifli, H. (2021): *Amalan kreativiti guru pendidikan islam dalam pembelajaran abad ke-21.* – Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (Acer-J) 4(1): 40-54.
- [9] Awi, N.A.L., Zulkifli, H. (2020): *Kaedah Fan-N-Pick dalam Pembelajaran Sirah Pendidikan Islam: Fan-N-Pick Method in The Learning of Sirah in Islamic Education.* – ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education 4(2): 61-69.
- [10] Azman, W.A.A.W., Nor, M.Y.M. (2017): *Kemahiran guru abad ke 21 terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran murid di sekolah.* – Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia 5p.
- [11] Bahtiar, R.A., Ibrahim, S., Ariffin, H., Ismail, N.H., Isa, W.M.K.W. (2020): *Peranan dan cabaran pemimpin pendidikan dalam memastikan matlamat dan agenda pendidikan dilestari dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) Covid-19.* – Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia 23p.
- [12] Ball, D.L., McDiarmid, G.W. (1989): *The subject matter preparation of teachers.* – East Lansing, Michigan: National Center for Research on Teacher Education 35p.
- [13] Dagang, M.Y. (2016): *Amalan kreativiti pengajaran guru pendidikan islam di sekolah-sekolah negeri Johor.* – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia 232p.
- [14] Effindi, F.H. (2018): *VTA-TJS: membantu meningkatkan kemahiran mengingat sirah Nabi Muhammad SAW Pemimpin Agung.* – Jurnal Pendidikan Islam Kontemporari 1: 50-59.
- [15] Fakhruddin, F.M., Suhid, A. (2017): *Pembelajaran berasaskan masalah: cabaran pelaksanaannya dalam pengajaran pendidikan Islam sekolah menengah.* – International Journal of Education and Training 3(2): 1-6.
- [16] Hamidin, N.M., Ismail, W., Ismail, A., Ahmad, M.Z., Yasim, I.M.M., Mahmood, N., KUIS, K.U.I.A., Bangi, I.K. (2018): *Amalan ciri-ciri metodologi CLIL (Content and Language Integrated Learning) dalam pengajaran & pembelajaran sirah, kurikulum bersepadu dini (KBD).* – International Research Management & Innovation Conference 11p.
- [17] Ismail, R.A.R., Ismail, D. (2018): *Aplikasi 'Konsep 4C' pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih pengajian agama Institut Pendidikan guru kampus Dato'Razali Ismail.* – Asian People Journal (APJ) 1(1): 45-65.
- [18] Iywon, V.P., Nasri, N.M. (2020): *Tahap kesediaan dan sokongan bagi pelaksanaan pendekatan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran guru sekolah rendah.* – International Journal of Education and Pedagogy 2(4): 489-508.
- [19] Jarawi, N.S., Zulkifli, H. (2020): *Pedagogi Hikmah dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam: Hikmah Pedagogy and Higher Order Thinking Skills in*

- Islamic Education. – ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education 4(2): 90-102.
- [20] Kamal, N.M.M., Hussin, Z., Sulaiman, A.M. (2022): Elemen Kolaborasi Dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam Melalui Pendekatan Heutagogi. – Jurnal Dunia Pendidikan 4(1): 372-386.
- [21] Khalil, F.A., Awang, M.I. (2016): Isu kesediaan guru dalam amalan melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. – EDUCATUM–Journal of Social Science 2(1): 1-7.
- [22] Khory, H.H.M., Rahman, M.N.A., Zailaini, M.A. (2021): Pengurusan pentaksiran bilik darjah mata pelajaran bahasa arab berasaskan keperluan pembelajaran murid. – JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan 8(2): 41-57.
- [23] Mishra, P., Koehler, M.J. (2006): Technological pedagogical content knowledge: A framework for teacher knowledge. – Teachers College Record 108(6): 1017-1054.
- [24] Mohamed, S., Jasmi, K.A. (2021): Amalan Induksi Set dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah bagi disiplin Ilmu Pendidikan Islam (Teaching and Learning Preparation Practice among Islamic Education Preschool Teachers). – UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies 8(2): 67-77.
- [25] Mohammad Rusdi, A.M., Che Mohd Zaid, Y., Mohd Alauddin, O., Aznida, A. (2021): Model kreativiti pengajaran guru bahasa arab di Malaysia. – International Journal of Education and Training 7: 1-11.
- [26] Mohd Yassin, M. (2010): Teks Ucapan Pada Majlis Pelancaran Sambutan Hari Guru 2010 Peringkat Kebangsaan Ke-39 di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang. – Berita Harian Online 1p.
- [27] Mustaffa, Z., Hussin, Z., Sulaiman, A.M. (2021): Pedagogi terbeza untuk pengajaran guru terhadap kepelbagaian murid. – Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) 6(9): 202-214.
- [28] Mustapha, R.C., Jamsari, E.A., Zakaria, N., Talib, N.M. (2011): Permasalahan pengajaran guru Pendidikan Islam bagi Komponen Tamadun Islam: Satu pemerhatian awal di sekolah menengah daerah Sepang, Selangor. – Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN): Ulama Pemacu Transformasi Negara 5p.
- [29] Nasir, N.M., Mansor, M.B. (2021): Cabaran guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR): suatu pemerhatian awal. – Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) 6(7): 416-421.
- [30] Noraziah, M.Y., Mohd Aderi, C.N., Khadijah, A.R. (2018): Kepelbagaian kecerdasan pelajar dalam PDPC Sirah: Keperluan pengajaran efektif. – In Proceedings of the 5th International Conference on Research in Islamic Education and Arabic Language 2018 (ICRIALE 2018), Association of Malaysian Muslim Intellectuals 7p.
- [31] Nordin, A.B., Bakar, B.A. (2008): Penaksiran dalam pendidikan dan sains sosial. – Universiti Pendidikan Sultan Idris 416p.
- [32] Nurul Eeffah, A. (2016): Pembentukan akhlak menurut al-Ghazali dalam sistem pendidikan kini. – In Wacana Pendidikan Islam Siri ke 11, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor 14p.
- [33] Rahim, N.A., Agus, S., Asikin, N.A. (2021): Minat dan Sikap Pelajar Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPC) Dalam Pendidikan Jasmani: Students' Attitude and Interest Towards the Use of Teaching Aids in Learning and Facilitation in Physical Education. – ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education 5(2): 77-86.
- [34] Ramli, N.N.B., Nor, M.Y.B.M. (2018): Pembelajaran Abad Ke-21. Fakulti Pendidikan. – Universiti Kebangsaan Malaysia 49p.
- [35] Ravendran, D.R., Daud, M.Y. (2020): Faktor–faktor yang mempengaruhi guru matematik sekolah rendah dalam mengintegrasikan penggunaan teknologi dalam PdPc. – Jurnal Dunia Pendidikan 1(3): 24-33.
- [36] Razak, M.A., Said, R.R., Fakhruddin, F.M. (2021): Analisis Penulisan Objektif Menggunakan Konsep “Smart” dalam Rancangan Pelajaran Harian Bakal Guru BPBM

- bagi Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif. – *International Journal of Education and Training* 7(2): 1-12.
- [37] Rum, S.F.M., Basri, N., Dahlan, A. (2022): Sirah learning mobile application for kafa primary school students: A preliminary study. – *Journal of Islamic* 7(46): 476-489.
- [38] Shulman, L. (1987): Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. – *Harvard Educational Review* 57(1): 1-23.
- [39] Shulman, L.S. (1986): Those who understand: Knowledge growth in teaching. – *Educational Researcher* 15(2): 4-14.
- [40] Starko, A.J. (2021): Creativity in the classroom: Schools of curious delight. – Routledge 416p.
- [41] Trivedi, K., Bhargava, R. (2010): Relation of creativity and educational achievement in adolescence. – *Journal of Psychology* 1(2): 85-89.
- [42] Tajuddin, M.F.A., Zulkifli, H. (2022): Faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan pengetahuan isi kandungan (PIK) Bidang Jawi dalam kalangan guru Pendidikan Islam. – *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education* 2(1): 56-72.
- [43] Terry, E.A.C., Nasri, N.M., Mansor, A.Z. (2021): Tahap pengetahuan dan kesediaan guru-guru Bahasa Iban sekolah rendah daerah Sri Aman terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran Bahasa Iban. – *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1): 342-354.
- [44] Weisberg, R.W. (1999): Creativity and knowledge: a challenge to theories. – In R. J. Sternberg (Ed.), *Handbook of Creativity*, Cambridge University Press 24p.
- [45] Yahaya, N. (2011): Keberkesanan teknik scaffolding secara berkumpulan terhadap Pendidikan Sirah. – Universiti Utara Malaysia 110p.
- [46] Yu, F., Patterson, D. (2010): Examining adolescent academic achievement: A cross-cultural review. – *The Family Journal* 18(3): 324-327.
- [47] Zakaria, N. (2019): Keberkesanan Mata Pelajaran Sirah Rasul Di Sekolah Rendah Islam (SRI) Ikram Musleh: Satu Tinjauan Di Negeri Sembilan. – *Journal of Hadith Studies* 4(2): 77-84.
- [48] Zawawi, Z.A., Yaakub, R., Azirun, R. (2019): Penghasilan carta alir KSR-I dan penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran Sirah murid pendidikan khas. – *International Conference on Special Education in Southeast Asia Region* 5p.